

09

Kajian Pengajaran: Penggunaan Aplikasi Titanpad dalam Pembelajaran Karangan

Hamidah Hamid

hamidah_hamid@moe.edu.sg

Nuraishah Mahmood

nuraishah_mahmood@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Huamin

Abstrak

Melalui pemantauan, terdapat murid yang kurang berinteraksi secara aktif disebabkan perasaan segan atau takut untuk mengutarakan pendapat mereka semasa membuat kerja kumpulan dalam pembelajaran. Lantas, Kajian Pengajaran telah dijalankan bagi menangani masalah ini. Kajian dijalankan untuk meneliti keberkesanan penggunaan ICT sebagai sistem sokongan pembelajaran dan juga keberkesanan pembelajaran berkolaborasi dalam penulisan karangan. Aplikasi *Titanpad* dijadikan sebagai platform bagi murid berinteraksi dalam perbincangan. Kajian Pengajaran ini memberi tumpuan kepada murid Darjah 5 dalam pembelajaran karangan dengan menggunakan aplikasi *Titanpad* sebagai alat sokongan dalam perbincangan secara berkumpulan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi *Titanpad* ini dapat menggalakkan murid untuk mengamalkan konsep berkolaborasi untuk berinteraksi dengan efektif. Murid didapati lebih bermotivasi untuk melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran. Kesan yang positif ini sekaligus menegaskan bahawa penggunaan ICT sebagai sistem sokongan dalam pembelajaran amatlah diperlukan.

Kata Kunci: aplikasi *titanpad*, kemahiran interaksi, kolaborasi



PENGENALAN

Komunikasi, kolaborasi dan kemahiran maklumat penting dalam pembelajaran dan pengajaran untuk mempersiapkan murid dengan kemahiran abad ke-21. Guru-guru digalakkan untuk menggunakan kemudahan teknologi dalam pengajaran mereka agar pengajaran tersebut menjadi lebih menyeronokkan dan memberi kesan yang positif terhadap pembelajaran murid.

Hasil tinjauan yang dijalankan pada tahun 2010 dalam Laporan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda 2010 mendapati bahawa kini murid sudah bijak komputer dan minat menggunakan ICT untuk mempelajari Bahasa Ibunda. Maka, tinjauan yang dilakukan ini mengukuhkan lagi tanggapan bahawa murid sudah terdedah dengan kemudahan teknologi dan mereka juga terdorong untuk melibatkan diri dalam perbincangan di kelas sekiranya corak pembelajaran berlandaskan wadah tersebut dilaksanakan.

Justeru itu, platform Teknologi Informasi dan Komunikasi (ICT) dimanfaatkan dalam satu kajian untuk menghasilkan suasana kolaboratif bagi membantu murid mengukuhkan kemahiran interaksi. Ini juga dilakukan selaras dengan pendapat Butler (1993) yang menyatakan bahawa teknologi merupakan satu alat konstruktif yang memudahkan pembelajaran murid. Menurut beliau lagi, melalui konsep kolaborasi murid juga dapat memahami pembelajaran tersebut dengan lebih efektif.

Kajian ini dijalankan bagi menangani masalah murid yang kurang melibatkan diri semasa menjalankan aktiviti berkumpulan. Golongan murid ini berasa segan atau takut untuk mengutarakan pendapat mereka semasa dalam perbincangan.

PERNYATAAN MASALAH

Melalui pengamatan guru terhadap proses pengajaran dan pembelajaran karangan secara berkumpulan, didapati bahawa tidak kesemua murid yang melibatkan diri dalam perbincangan demi menghasilkan karangan bersama. Guru amat prihatin dengan perkara ini semasa proses pembelajaran berlangsung.



Perbincangan dalam kumpulan sebenarnya memberi peluang bagi setiap murid mengutarakan pendapat mereka. Banyak idea dipercayai dapat tercetus daripada perbincangan yang dilakukan secara berkumpulan. Namun, apabila guru memantau aktiviti perbincangan tersebut, guru mendapati ada murid yang hanya mendiamkan diri dan tidak bekerja sama dalam perbincangan. Memang tidak dinafikan, ada golongan murid yang terlalu pendiam dan mempunyai sifat malu yang berlebihan. Mereka mempunyai idea tetapi terlalu segan untuk mengutarakan idea tersebut.

Aktiviti kumpulan telah diadakan bagi pengajaran karangan. Guru mahukan setiap murid memberikan idea supaya bahagian penutup karangan dapat diluaskan dengan baik. Dengan menggunakan strategi 6 Kata Tanya, murid berbincang untuk mendapatkan input daripada rakan-rakan mereka.

Melalui pemantauan harian, setiap kali guru menjalankan perbincangan secara berkumpulan, murid-murid ini didapati berdiam diri dan tidak mahu melibatkan diri dalam perbincangan. Satu wawancara telah dijalankan bagi mendapatkan alasan murid-murid ini tidak aktif atau tidak mahu berinteraksi dalam perbincangan secara berkumpulan. Menurut mereka, mereka bimbang idea yang diutarakan itu tidak sesuai. Ada pula yang mengatakan bahawa rakan mereka tidak mahu mendengar atau menerima idea mereka itu. Hal ini menyebabkan mereka tidak aktif dalam perbincangan.

Maka itu, guru telah memikirkan satu cara yang kreatif bagi membantu golongan murid pemalu ini untuk mengambil bahagian dalam perbincangan melalui penggunaan komputer. Menyedari akan kepentingan kolaborasi dan ICT, guru mengambil keputusan untuk mengintegrasikan perbincangan dalam kelas dengan penggunaan ICT.

TUJUAN KAJIAN

Kajian Pengajaran ini memberi tumpuan kepada murid Darjah 5 dalam pembelajaran karangan dengan menggunakan aplikasi *Titanpad* sebagai alat sokongan dalam perbincangan secara berkumpulan.

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneliti:

1. keberkesanan penggunaan ICT sebagai sistem sokongan pembelajaran; dan
2. keberkesanan pembelajaran berkolaborasi dalam penulisan karangan.

KAJIAN LEPAS

Menurut Kagan (1991), kolaborasi itu bermaksud bekerjasama untuk mencapai tujuan atau matlamat bersama. Oleh yang demikian, penekanan telah diberikan kepada suasana berkolaborasi agar matlamat bersama itu tercapai. Jelas sekali bahawa pembelajaran secara berkolaborasi menyediakan pelbagai peluang bagi murid untuk berinteraksi dan meraih manfaat daripada interaksi yang berlaku dalam kerja berkumpulan.

Para guru digalakkan untuk memanfaatkan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran bagi memperkuuh usaha menyediakan murid dengan kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21. Sejajar dengan apa yang disuarakan oleh Menteri Pendidikan Singapura, Encik Heng Swee Keat (2014), yang menggalakkan guru-guru menggunakan ICT dalam pembelajaran kerana ini boleh merubah fokus murid terhadap pengajaran di dalam kelas. Encik Heng percaya bahawa guru dapat memberi penekanan kepada pembelajaran berpusatkan murid dan dapat mengendalikan pengajaran bagi murid yang mempunyai kecerdasan yang pelbagai.

Berdasarkan kemahiran abad ke-21, ICT akan lebih meluas disepadukan ke dalam perancangan, reka bentuk dan pelaksanaan kurikulum, penilaian dan pedagogi. Akan ada keselarasan hasil pembelajaran murid dalam sukanan pelajaran, peperiksaan nasional, dan pengalaman bilik darjah kepada kemahiran abad ke-21 seperti kemahiran ICT, dan keupayaan untuk berkomunikasi dengan lebih yakin dan bekerjasama secara berkesan. Murid menggunakan ICT untuk mencari maklumat, mensintesiskan laporan, memberi maklum balas tentang kerja masing-masing dan bekerjasama dengan rakan-rakan di dalam dan di luar sekolah. Kajian-kajian lalu mengenai keberkesanan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran telah banyak diperkatakan para sarjana dan pengkaji. Justeru itu, kajian ini telah memilih platform Teknologi



Informasi dan Komunikasi (ICT) untuk menghasilkan suasana kolaboratif bagi membantu murid mengukuhkan kemahiran interaksi.

Menurut para pendidik yang pernah menggunakan aplikasi *Titanpad* bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran jelas menunjukkan keberkesanannya aplikasi ini sebagai wadah yang boleh merangsang kerja berkolaborasi dalam kalangan murid. Penggunaan aplikasi *Titanpad* membolehkan para murid, terutama sekali murid yang kurang berinteraksi semasa perbincangan dalam kerja kumpulan, mengambil bahagian dalam perbincangan dalam kelas mengenai topik yang diberi guru. dalam hal ini, interaksi boleh berlaku dalam kalangan murid kerana idea atau pendapat mereka itu diberi tanpa diutarakan secara verbal atau lisan. Oleh yang demikian, rakan-rakan yang lain sudah pasti akan membaca idea atau pendapat tersebut. Lantaran itu setiap murid tidak akan terasa terpinggir ketika melakukan aktiviti perbincangan secara berkumpulan.

Fungsi *chat* atau bersempang yang terdapat di aplikasi ini membolehkan murid-murid berinteraksi. Langkah ini dapat meningkatkan keyakinan para murid yang pendiam dan pemalu apabila bekerjasama dalam sesebuah kumpulan yang kemudiannya akan membawa ke arah pencapaian matlamat bersama. Dengan demikian, pengajaran karangan dalam suasana berkolaborasi ini sejajar dengan matlamat Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, iaitu proses pengajaran dan pembelajaran yang bertujuan untuk membina kemahiran para murid berkomunikasi dan memperoleh informasi dengan fasih dan berkesan.

KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian yang dijalankan merupakan kaedah Kajian Pengajaran. Guru-guru terlibat secara kumpulan dalam melaksanakan kajian ini dan melibatkan semua guru sebagai pemerhati semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada sekumpulan murid Darjah 5 seramai 21 orang. Murid Darjah 5 ini merupakan murid tahap sederhana dan cemerlang.

Instrumen Kajian

Bagi melaksanakan kajian pengajaran ini, aplikasi *Titanpad* digunakan sebagai alat sokongan dalam perbincangan secara berkumpulan dalam penulisan karangan. Refleksi murid pula ditulis di lelaman <http://linoit.com>

Prosedur Kajian

Guru dan murid-murid didedahkan kepada aplikasi *Titanpad* terlebih dahulu sebelum sesi pelajaran dijalankan supaya jelas akan fungsi yang terdapat di dalam Aplikasi Titanpad. Pengajaran dan pembelajaran dilakukan di makmal komputer. Terdapat beberapa langkah yang dilakukan:

1. Pada peringkat pengenalan, guru menjelaskan kepada murid matlamat pembelajaran (TST – *Framing the Learning/Clarity*).
2. Kemudian, guru menggunakan slaid *powerpoint* untuk memaparkan lima gambar karangan yang mempunyai susunan yang salah. Beberapa orang murid dipanggil untuk menyusun gambar-gambar karangan tersebut dalam susunan yang betul supaya menjadi sebuah cerita yang lengkap.
3. Kemudian, guru menayangkan pula cerita yang dikarang berdasarkan gambar-gambar tersebut.

Dalam aktiviti pertama, murid dikehendaki memikirkan tentang bahagian penutup bagi karangan bergambar yang ditayangkan. Setelah murid memberikan jawapan, guru meminta murid memikirkan ciri-ciri yang diperlukan bagi menghasilkan sebuah penutup yang baik dan berkesan.

Guru menjelaskan bahawa untuk menghasilkan bahagian penutup karangan yang baik, beberapa perkara harus dipertimbangkan. Guru memberikan 3 contoh model bahagian penutup karangan tersebut. Murid berbincang secara berpasangan dan memberikan alasan bagi pilihan mereka.

Kemudian, guru menjelaskan tentang penggunaan strategi 5Ws1H (6KT)



yang boleh membantu mereka meluaskan idea mereka bagi menghasilkan sebuah penutup karangan yang baik. Guru menayangkan soalan panduan bagi murid memperluaskan idea mereka bagi bahagian penutup karangan.

Soalan-soalan panduan yang diberikan adalah seperti yang berikut:

1. Apakah yang terjadi selepas itu?
2. Apakah pengajaran yang watak perolehi?
3. Apakah kesan kejadian itu terhadap watak?
4. Mengapakah watak itu mengambil tindakan sedemikian?
5. Bagaimanakah perasaan watak selepas kejadian itu?
6. Siapakah yang terlibat untuk membantu watak untuk menyelesaikan masalah ini?
7. Bilakah tindakan itu diambil?

Bagi aktiviti kedua, murid menggunakan aplikasi *Titanpad* dalam perbincangan mereka. Sebelum perbincangan dimulakan, guru akan membacakan bahagian pendahuluan dan isi cerita bagi sebuah karangan bergambar. Di dalam kumpulan, murid akan berbincang dengan ahli kumpulan untuk menghasilkan bahagian penutup karangan dengan baik. Dalam lelaman titanpad.com, disediakan ruangan *chat* yang dijadikan wadah tempat murid-murid berbincang. Apa yang dituliskan oleh rakan-rakan mereka dapat dilihat dengan jelas. Mereka juga dapat membetulkan kesilapan rakan mereka pada masa yang sama.

Setelah selesai perbincangan, murid diminta untuk membentangkan hasil kerja mereka. Guru memberikan pendapat tentang hasil kerja tersebut. Kemudian, murid menuliskan refleksi mereka di lelaman <http://linoit.com> tentang bagaimana perasaan mereka menggunakan aplikasi *Titanpad* dalam perbincangan karangan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian merupakan data kualitatif dan data ini diraih berdasarkan pemerhatian yang dilakukan oleh empat orang guru dan seorang guru pakar semasa Kajian Pengajaran dijalankan. Perbincangan dijalankan oleh para guru dan Guru Pakar mengenai perkara-perkara yang telah dipantau semasa



pengajaran dijalankan. Hasil perbincangan membawa persetujuan di antara semua guru bahawa Kajian Pengajaran yang telah dijalankan mempunyai beberapa kekuatan dan juga aspek-aspek yang perlu diperbaik.

Antara kekuatan yang diperhatikan dalam pengajaran ialah pertama, suasana kolaborasi berjaya diwujudkan di dalam setiap kumpulan. Semua murid didapati bekerjasama dengan aktif untuk menyelesaikan tugas yang diberikan oleh guru.

Kedua, murid yang lemah didapati telah berusaha untuk berkomunikasi demi mengutarakan idea dan pendapat mereka di dalam perbincangan untuk menulis penutup yang baik dalam karangan. Murid yang lebih cemerlang pula banyak memberikan dorongan kepada rakan yang lebih memerlukan pertolongan. Hal ini dapat dicapai kerana murid dapat menggunakan fungsi *chat* yang terdapat di dalam *Titanpad* dengan efektif. Fungsi ini amat berkesan untuk merangsang murid yang malu untuk mengutarakan pendapat mereka secara verbal. Murid yang pendiam dan pemalu kelihatan lebih selesa untuk berbincang menggunakan fungsi ini.

Para guru dan Guru Pakar juga prihatin terhadap perkara-perkara yang perlu diperbaik supaya pengajaran itu akan lebih berjaya. Pertama, murid seharusnya diberi struktur yang lebih jelas untuk menulis penutup karangan yang baik. Hal ini boleh dilakukan jika murid diajar secara eksplisit tentang penggunaan struktur tersebut.

Kedua, guru dan Guru Pakar mendapati untuk Aktiviti 2, murid tidak perlu diberikan gambar yang baharu. Murid boleh diberikan gambar yang sama digunakan untuk Aktiviti 1. Gambar yang baharu menghambat murid daripada menjalankan kerja kumpulan secara efektif kerana diperhatikan mereka perlu lebih banyak masa untuk memikirkan idea bagi gambar baru tersebut. Masa yang diberikan kepada murid untuk Aktiviti 2 hanya 20 minit. Murid tidak mempunyai masa yang cukup untuk menyelesaikan kerja kumpulan akibat masalah ini.

Ketiga, murid dicadangkan untuk merancang idea mereka dalam bentuk buletin sebelum mereka menaip penutup dalam bentuk ayat. Ini akan



membantu murid untuk menghuraikan penutup mereka dengan lebih efektif.

Keempat, para guru dicadangkan untuk menyediakan model kepada murid cara-cara untuk melakukan tugas di *Titanpad*. Walaupun guru telah pun memberikan arahan dan menunjukkan cara-cara untuk melakukan tugas karangan ini di dalam *Titanpad*, masih ada lagi murid yang perlukan lebih banyak bimbingan supaya mereka dapat menghasilkan kerja kumpulan yang lebih baik dalam masa yang lebih singkat.

KESIMPULAN

Setelah Kajian Pengajaran ini dijalankan, semua guru berbincang dan membuat refleksi. Para guru bersetuju bahawa Kajian Pengajaran ini telah banyak membantu guru untuk menjadi pendidik yang lebih efektif dalam menghasilkan pengajaran karangan yang lebih menarik dan efektif. Kajian Pengajaran ini juga telah membantu para guru untuk mencari cara yang paling baik untuk mengatasi masalah yang dihadapi semasa mengajar murid menulis karangan. Sebelum ini, setiap guru mempunyai cara yang tersendiri apabila mengajar murid menulis karangan. Kajian Pengajaran ini memberikan para guru peluang untuk berbincang dan berkongsi pandangan dengan lebih mendalam tentang strategi yang terbaik yang boleh digunakan.

Sebelum ini, murid didapati tidak begitu berminat dalam pengajaran karangan kerana mereka menganggapnya sukar. Para guru berbincang dengan mendalam untuk memperbaharui suasana pembelajaran karangan supaya murid daripada pelbagai tahap dapat belajar dalam suasana yang lebih seronok dan memberangsangkan. Selain itu, rancangan pengajaran yang berpusatkan kepada murid-murid akan dilakarkan dengan lebih berkesan.

Wadah *Titanpad* yang digunakan di dalam Kajian Pengajaran ini telah berjaya merangsang murid-murid untuk bekerja secara kolaboratif. Melalui tugas yang mereka harus siapkan secara berkumpulan, murid digalakkan untuk berfikir secara spontan demi mencapai objektif kumpulan itu. Sejajar dengan hasil pembelajaran MOE untuk melahirkan individu yang berkeyakinan, pengajaran ini telah berjaya mengasah kemahiran murid-murid berinteraksi dengan yakin dan efektif.



Guru-guru berikut turut terlibat dalam kajian yang dijalankan.

- Helmeleya Mohd Jamil
- Kasimah Kassim

RUJUKAN

Heng Swee Keat (2014), Menteri Pendidikan Singapura semasa membentangkan pelan kerja Kementerian Pendidikan pada tahun 2014.

J. Buttler Biggs (1993) *British Journal Of Educational Psychology*, 63, 3-19.

Jon Saphier, Mary Ann Haley-Speca, Robert Gower (2007) *The Skillful Teacher: Building your teaching skills*, USA: RBT.

Kementerian Pendidikan Singapura. 2010 Laporan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda: Memupuk Pelajar Aktif dan Pengguna Cekap, Singapura 2010.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah 2008 (Singapore CPDD, MOE 2007).

